



Prof Dr  
Mohd  
Shahwahid  
Othman

Kita masih dalam Syawal, bulan keberkatan di mana setiap Muslim yang sempurna amalan Ramadannya sudah kembali ke tahap fitrah sebagai seorang insan yang beriman.

Namun, tempoh perayaan ini juga sering mengundang belanja besar dan ada kalanya pembaziran.

Buat peniaga pula selepas berakhirnya musim penjualan menyambut musim raya, tiba masa merancang strategi perniagaan menghadapi masa mendatang.

Ternyata peluang perniagaan dan budaya konsumerisme semakin berkembang dalam budaya masyarakat kita sejak kebelakangan ini.

Asas ekonomi konvensional bagi peniaga untuk mengeluarkan dan menjual kuantiti barangan dan perkhidmatan supaya meraih keuntungan yang maksimum sedangkan pengguna pula membuat perbelanjaan untuk memperoleh barangan dan perkhidmatan yang boleh memaksimumkan kepuasan.

Asas yang dipegang berlandaskan kebendaan semata-mata tanpa disematkan objektif untuk memperoleh keredaan Ilahi.

Di dalam ekonomi Islam, kedua-dua penawaran oleh firma dan permintaan oleh pengguna adalah aktiviti yang murni dan ibadah untuk memperoleh berkat.

Kegiatan ekonomi bukan semata-mata untuk memperoleh punca kekayaan tetapi sebagai sebahagian usaha menyumbang kepada faedah dan menyanjung persaudaraan masyarakat.

Harus disedari ramai kalangan masyarakat kita masih dilanda masalah kemiskinan dan jurang ketidaksetaraan kekayaan semakin merisaukan.

Isu lain berkaitan ekonomi seperti salah laku etika kerja semakin memperlihatkan permasalahan. Isu rasuah sama ada dalam perniagaan dan pentadbiran turut sering dilaporkan.

Berlatarbelakangkan permasalahan ini, wajar kita merenung sejenak tuntutan agama Islam yang sepatutnya

menjadi panduan dalam amalan harian kita khususnya berkaitan hal ekonomi.

Melihat kepada beberapa isu dalam masyarakat seperti yang dinyatakan di atas mungkinkah sebenarnya kita tidak memberi penekanan atau terlepas pandang terhadap prinsip Islam berkaitan hal ekonomi dalam masyarakat.

Menyedari keadaan ekonomi yang semakin merisaukan ini, satu kajian dilaksanakan oleh Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk meneroka dan mencari penjelasan kepada beberapa permasalahan ekonomi khususnya apabila dilihat daripada perspektif dan ajaran Islam sendiri.

Untuk tujuan pengkajian ini memerlukan penentuan prinsip amalan ekonomi Islam di dalam perniagaan dan penggunaan yang akur kepada Maaqasid Syariah.

Penyenaaraian prinsip ini diperoleh dengan mengadakan perbincangan kumpulan fokus (FGD) bersama kumpulan pakar yang melibatkan pakar rujuk agama daripada Kapten Ustaz Mohd Naim dari Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT), dan Ustaz Alzasha Iliyyin dari Pusat Islam UPM, peniaga Muslim seperti Vendimia Studio, Flaming Pan, Koperasi KUPUTRA, pensyarah dalam bidang ekonomi, perakaunan dan kewangan Islam dan wakil mahasiswa.

Hasil dapatan kajian ini akan dibentangkan dalam beberapa siri penulisan berkaitan 'Ekonomi dan Islam' bermula dengan artikel ini berkenaan budaya konsumerisme dalam masyarakat Islam.

Kajian ini juga melihat beberapa contoh amalan perniagaan yang wajar dicontohi.

### Prinsip ekonomi Islam

Hasil daripada perbincangan FGD berikut disenaraikan di antara beberapa prinsip penting utama yang perlu dipegang peniaga Muslim agar usaha ekonomi mereka mendapat keredaan Allah dan diberkati:

**Prinsip 1:** Halalan toyyiban di dalam kandungan dan proses pengeluaran dan penjualan

**Prinsip 2:** Kesederhanaan, keseimbangan dan keadilan dalam permintaan dan penawaran barangan dan perkhidmatan berdasarkan Prinsip "wasatiyyah".



## Budaya konsumerisme mengikot ekonomi Islam



**Prinsip 3:** Keutamaan ilmu dan maklumat barangan dan perkhidmatan yang ditawarkan dan diminta

**Prinsip 4:** Amalan sumbangan zakat dan sedekah oleh peniaga sebagai usaha pembersihan harta dan

sumbangan kepada masyarakat.

Prinsip ekonomi Islam seperti yang dinyatakan di atas penting untuk diperhalusi khususnya dalam berhadapan masyarakat Islam yang dibelenggu budaya

konsumerisme di luar kawalan, permasalahan kemiskinan dan jurang ketidaksetaraan ekonomi, serta salah laku etika kerja, pengurusan dan perniagaan yang akibatnya hanya akan mengundang kerugian kepada

masyarakat Islam di Malaysia. Bagaimana prinsip ekonomi Islam di atas diterapkan dalam perniagaan akan dikupas di dalam beberapa siri artikel akan datang, termasuk kefahaman dan amalan praktik di

kalangan peniaga Muslim bagi mencapai Halalan toyyiban, Penyempurnaan zakat dan sedekah - sumbangan kepada persaudaraan masyarakat dan keberkatan yang terhasil kepada peniaga serta Perancangan Kewangan Islam - pemahaman, amalan praktik dan faedah kepada keluarga Muslim.

Penulis Pensyarah Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM)

### Dialog K

AMBOI AWAK NI, SE DENGAN SAYA PAK BAJU MELAYU SIAP RUMAH TERBUKA KE

